

## Debat Diraja IPT 2021: UM bolot dua gelaran pembahas terbaik



Kapsyen: HASACAYA Abdullah (tengah) menyampaikan hadiah kepada Luc Choong Guong Sang pada Debat Diraja IPT kategori bahasa Inggeris di Putrajaya. – UTUSAN/AMREE AHMAD

Oleh AMREE AHMAD 19 Disember 2021, 2:10 pm



PUTRAJAYA: Meskipun tewas, Universiti Malaya (UM) tetap bergembira apabila seorang pembahasnya muncul pendebat terbaik pusingan akhir dan pendebat terbaik keseluruhan.

Dengan keputusan tidak dijangka itu, peserta institusi pengajian tinggi (IPT) berkenaan, Luc Choong Guong Sang membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah sebanyak RM2,000.

UM pada Pertandingan Akhir Debat Diraja IPT 2021 tidak bernasib baik apabila dikalahkan musuh tradisinya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di sini hari ini.

Selain beliau, pasukan UM yang bertindak selaku pembangkang diwakili Kuhan Karttikeyan Ravichandran, Danesh Ram Aggarwal Shishi Kumar dan simpanan, Catherine Alicia Nathan.

UM turut membawa pulang hadiah sebagai naib juara berbentuk trofi, wang tunai yang bernilai RM3,000 dan buku-buku sumbangan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang disampaikan oleh Naib Canselor Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Leftenan Jeneral Datuk Hasagaya Abdullah selaku tuan rumah kejohanan edisi kali ke-22.

Pertandingan dianjurkan bersama Kementerian Pengajian Tinggi dan Majlis Debat Universiti Malaysia dengan kerjasama DBP serta Utusan Malaysia dan Kosmo! sebagai akhbar rasmi.



### POPULAR



**"Tak tahu hormat. Sombong dan bongkak dengan virus ini."** – Damian Mikhail

28 Disember 2021, 12:18 pm



**Tiga anggota TNI didakwa langgar dan buang mayat dua remaja ke dalam sungai**

28 Disember 2021, 12:00 pm



**Banjir: Pantai Timur berjaga-jaga**

28 Disember 2021, 11:54 am



**Tauliah 32 aktivis politik ajar Islam ditarik balik**

28 Disember 2021, 11:51 am



"Ibu saya yang juga guru di sekolah menengah saya sebelum ini juga banyak mendidik saya untuk berfikir kritikal dan mampu berani berhujah dengan fakta baik di khalayak," jelasnya.

Bercita-cita untuk menjadi peguam selepas tamat belajar pada tahun depan, beliau bersedia mencurahkan pengalaman dirinya kepada pasukan debat UM bagi pelbagai kejohanan bahas.

Pada pertandingan separuh akhir yang berlangsung di UPNM semalam, kedua-dua pasukan IPT itu menewaskan pendebat dari Universiti Teknologi Mara dan Universiti Multimedia. -UTUSAN ONLINE